Tajuk Inovasi : **SPKB (SISTEM PENGUATKUASAAN BERSEPADU)**

Nama Jabatan / Agensi / Institusi : **JABATAN PENGUATKUASAAN, MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR.**

**Pengenalan**

- **Latar belakang ringkas perkhidmatan**

  Jabatan Penguatkuasaan bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan dengan telus, tepat dan tegas meliputi semua aspek dan berpandukan kepada Akta 171, Akta 172, Akta 133, Enakmen, Perintah Peraturan dan Undang-Undang Kecil yang diguna pakai oleh MPHS di seluruh Kawasan pentadbirannya seperti berikut : -




**Mula**

Terima arahan tugas dari Pengarah, Pen. Peg. Penguatkuasa, Ketua Zon

Pembantu Penguatkuasa ambil peranti Handheld dari penyelia SPKB

Keluarkan kompaun / notis kesalahan atas arahan Ketua Ronda

Selesai rondaan hantar semula alat peranti kepada penyelia SPKB

**Tamat**

- **Ringkasan hasil inovasi**

  SPKB adalah singkatan kepada Sistem Penguatkuasaan Bersepadu. Ianya diilhamkan oleh Jabatan Penguatkuasaan yang diadaptasi dari Prosedur Pengurusan Kompaun (sistem pengurusan kompaun yang dilaksanakan secara manual – Rujukan: PRO/MPHS/UTAMA/PK(K)/PPK-01 (MS ISO 9001: 2015) yang mana pelaksanaan pengurusan kompaun secara manual iaitu menjalankan tugas penguatkuasaan menggunakan kaedah buku kompaun / notis kesalahan / kompaun yang berkaitan penguatkuasaan kesalahan/Peraturan & Undang-Undang / Akta serta Enakmen yang digunapakai oleh MPHS.

  Pada akhir tahun 2021, Pengurusan tertinggi Jabatan Penguatkuasaan mula memikirkan dan mengkaji untuk menambahbaik modul ini bagi memudahkan dan meringankan beban anggota semasa bertugas di lapangan. Hasil dari perbincangan tersebut, pengurusan berjaya mengilhamkan satu modul pengurusan kompaun berinovatif dengan menjalinkan kerjasama (‘Smart Collaboration) dengan pihak pembekal iaitu ELIX Solution Sdn. Bhd yang membekal dan bertindak sebagai perunding bagi modul ini. Setelah hampir 6 bulan membangunkan modul ini dengan idea-idea asal dari ahli kumpulan, pada April 2022 Jabatan Penguatkuasaan telah memulakan penggunaan modul ini dengan memberikan latihan kepada anggota di lapangan. Modul ini digunakan sepenuhnya pada **bulan Jun 2022** dengan pelbagai tambahan modul yang lain seperti pemeriksaan premis, sitaan & tunda dan pendakwaan.

  Bagi keberkesanan modul ini, Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama pihak pembekal, memperluaskan penggunaan sistem SPKB ini ke jabatan teknikal MPHS seperti Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam bagi memudahkan pengeluaran kompaun / notis yang berkaitan penguatkuasaan kesalahan / Peraturan & Undang-Undang / Akta serta Enakmen yang digunapakai oleh MPHS.

- **Tarikh inovasi dihasilkan**

  SPKB ini dihasilkan pada April 2022 dan digunapakai sepenuhnya pada **Jun 2022 sehingga kini.**

- **Tujuan projek Inovasi**

  - Pengumpulan data / maklumat notis kesalahan / kompaun yang berkaitan penguatkuasaan kesalahan / Peraturan & Undang-Undang / Akta serta Enakmen yang digunapakai oleh MPHS.

  - Pengurusan data yang lebih sistematik dan efektif.

  - Menganalisis data lebih cepat dan tepat bagi tujuan sasaran kerja tahunan (SKT), perancangan belanjawan tahunan, pelaporan untuk mesyuarat jawatankuasa yang berkaitan.

  - Memberikan kemudahan kepada anggota penguatkuasa untuk mempercepatkan proses mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pesalah (Orang Kena Kompaun (OKK) dan Orang Kena Notis (OKN).

- Seiring dengan pelaksanaan program Pembangunan Pelan Strategik 2024 – 2028 Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Inovasi SPKB ini diangkat berdasarkan teras strategik yang berkaitan di dalam program tersebut iaitu:

  - **TERAS 1 (TADBIR URUS YANG DINAMIK)**

    S1: Memperkaskan Sumber Manusia dan Tadbir Urus Organisasi
    S2: Memperkukuhkan Pengurusan Kewangan
    S3: Mempetingkatkan Keberkesanan Tindakan Penguatkuasaan Undang-Undang
    *S4: Memantapkan Pendigitalan Sistem Penyampaian Perkhidmatan*
    *S5: Membudayakan Integriti dan Semak Imbang*
    *S6: Meningkatkan Reputasi dan Imej Perbandaran*

  - **TERAS 2 (PEMBENTUKAN MASYARAKAT PINTAR DARI SEGI EKONOMI DAN SOSIAL)**

    S1: Menguruskan Kemudahan Awam dan Infrastruktur Yang Terbaik dan Berkesan Bagi Kesejahteraan Masyarakat
    *S2: Mensejahterakan Komuniti Pintar dan Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat*
    S3: Memupuk Gaya Hidup Masyarakat Yang Cergas dan Sihat
    *S4: Memantapkan Faktor-Faktor Ekonomi Mampan.*

- Sistem Penguatkuasaan Bersepadu (SPKB) ini menjadi sebuah sistem dan aplikasi pintar untuk digunapakai oleh semua Akta dan Undang – Undang Kecil di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Di MPHS sebanyak 3 Akta, 2 Enakmen dan juga 24 Undang – Undang Kecil (UUK) digunapakai menggunakan sistem ini.

Bilangan Kompaun | Dokumen Penguatkuasaan

| NO. | KOD | UNDANG-UNDANG | BIL. KOMPAUN | BIL. KESALAHAN | TARIKH TAMAT | TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 0001 | KESALAHAN SEKSYEN YANG BERKAITAN DENGAN AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171) | 164 | 12 | | Papar |
| 2. | 0002 | AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133) | 11609 | 71 | | Papar |
| 3. | 0003 | UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN & PERINDUSTRIAN (MDHS) 2007 | 6080 | 5 | | Papar |
| 4. | 0004 | UNDANG-UNDANG KECIL ESTABLISYMEN MAKANAN 2007 | 1449 | 40 | | Papar |
| 5. | 0005 | UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN 2007 | 2402 | 2 | | Papar |
| 6. | 0006 | UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MDHS) 2007 | 3837 | 8 | | Papar |
| 7. | 0007 | UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING & RUMAH PEMBIAKAN ANJING 2007 | 713 | 7 | | Papar |
| 8. | 0008 | UNDANG-UNDANG KECIL PASAR 2007 | 5 | 3 | | Papar |
| 9. | 0009 | UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL 2007 | 51 | 2 | 31/12/2012 | Papar |
| 10. | 0010 | UNDANG-UNDANG KECIL KREMATORIUM 2007 | | 2 | | Papar |

| NO. | KOD | UNDANG-UNDANG | BIL. KOMPAUN | BIL. KESALAHAN | TARIKH TAMAT | TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 11. | 0011 | UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG 2007 | | 2 | | Papar |
| 12. | 0012 | UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SIBER & KAFE SIBER 2007 | 48 | 21 | | Papar |
| 13. | 0013 | UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN & PENJAGAAN KESIHATAN 2013 | 12 | 18 | | Papar |
| 14. | 0014 | UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN 2007 | 36 | 38 | | Papar |
| 15. | 0015 | UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN 2007 | 8 | 2 | | Papar |
| 16. | 0016 | UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN & PELUPUSAN SAMPAH 2007 | 174 | 15 | | Papar |
| 17. | 0017 | UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM 2005 | 1 | 12 | | Papar |
| 18. | 0018 | UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME 2005 | 89 | 14 | | Papar |
| 19. | 0019 | UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN 2005 | 681 | 27 | | Papar |
| 20. | 0020 | UNDANG-UNDANG KECIL TANAH PERKUBURAN ISLAM 2005 | | 1 | | Papar |

Bilangan Kompaun | Dokumen Penguatkuasaan

| NO. | KOD | UNDANG-UNDANG | BIL. KOMPAUN | BIL. KESALAHAN | TARIKH TAMAT | TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 21. | 0021 | UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN 2005 | 8 | 1 | | Papar |
| 22. | 0022 | PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA) 2007 | 1 | 3 | | Papar |
| 23. | 0023 | ENAKMEN HIBURAN & TEMPAT HIBURAN (PINDAAN) 1995 | 64 | 2 | | Papar |
| 24. | 0024 | ENAKMEN MENGAWAL LEMBU-KERBAU 1971 | 10 | 1 | | Papar |
| 25. | 0025 | ENAKMEN MENGAWAL LEMBU-KERBAU 1971 | | | 04/05/2010 | Papar |
| 26. | 0026 | UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH 2007 | 135 | 10 | | Papar |
| 27. | 0027 | UNDANG-UNDANG KECIL PENTERNAKAN BURUNG WALIT & PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALIT 2013 | 1101 | 4 | | Papar |
| 28. | 0028 | UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL 2013 | 1 | 2 | | Papar |
| 29. | 0029 | UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHANRAYA 2007 | 1 | 1 | | Papar |
| 30. | 0030 | AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 | | 11 | | Papar |

- **Proses pelaksanaan inovasi**

| In-house | Outsource |
|---|---|
| **70%** | **30%** |

**<u>In-House 70%</u>**

i. <u>Idea asal</u> dari Jabatan Penguatkuasaan diadaptasi dari Prosedur Pengurusan Kompaun (sistem pengurusan kompaun yang dilaksanakan secara manual – Rujukan*: PRO/MPHS/UTAMA/PK(K)/PPK-01 (MS ISO 9001: 2015).*

ii. Reka bentuk modul di dalam alat peranti "handheld" dan sistem SPKB adalah hasil perbincangan pegawai dan anggota penguatkuasa di Jabatan Penguatkuasaan.







iii. Latihan pengendalian alat peranti "handheld" dan pengelolaan sistem SPKB telah diurus selia oleh anggota penguatkuasa yang terlatih dan telah diberikan latihan awal (khusus) untuk mengendalikan pengurusan SPKB.






iv. *Format laporan adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan mengikut prosedur Pengurusan Kompaun PRO/MPHS/UTAMA/PK(K)/PPK-01 (MS ISO 9001: 2015).*

v. Jabatan Penguatkuasaan telah menyediakan satu platform khas untuk integrasi SPKB bersama jabatan teknikal dalaman MPHS bagi memudahkan tindakan penguatkuasaan diambil oleh anggota semasa dilapangan.

**<u>Outsource 30%</u>**

i. Menyediakan “*coding”* untuk Pembangunan sistem SPKB.

ii. Keperluan untuk menggunakan kepakaran *programmer* dan *developer* untuk sistem SPKB.

iii. Sewaan peralatan peranti “handheld” dan mesin pencetak.

## <u>SISTEM PENGURUSAN SPKB</u>

i. Maklumat dan data kompaun / notis kesalahan akan disimpan ke dalam sistem ini. Ianya dapat dilihat terus pada sistem yang digunakan secara ***real-time***.

ii. Data / maklumat kesalahan di simpan di dalam “cloud” kerana kapasiti penyimpanan tidak terhad. Selain itu, ia juga dapat <u>menjimatkan kos</u> *server* kerana ia jauh lebih murah berbanding *physical server.*

iii. Memudahkan carian maklumat kompaun / notis dipejabat setelah tindakan penguatkuasaan diambil.

iv. Memudahkan Orang Kena Kompaun (OKK) untuk membuat sebarang rayuan atau bayaran di pejabat atau di atas talian. Matlamat utama sistem ini untuk memastikan tindakan penguatkuasaan dijalankan secara berkesan.

v. Sistem ini hanya oleh diakses oleh pegawai yang diberikuasa untuk menyelenggara untuk memastikan keselamatan data dan maklumat.

vi. Ciri / modul dalam SPKB (modul di dalam sistem) seperti berikut:

Muka hadapan SISTEM PENGUATKUASAAN BERSEPADU (SPKB). Terdapat ***14 modul*** yang ditetapkan seperti berikut:

1. Data Analisis
2. Dashboard
3. Laporan
4. Pemeriksaan
5. Notis Kesalahan
6. Kompaun
7. Sistem



2. Data Analisis:
- Analisis Deskriptif
- Analisa Ramalan




3. Dashboard:
- Kompaun
- Kutipan




4. Laporan (carian maklumat):
- Kompaun
- Kutipan
- Rayuan
- Notis Peringatan
- Mahkamah
- Tunda / Sita



5. Pemeriksaan:
- Carian
- Daftar




6. Notis Kesalahan (notis am):
- Carian
- Daftar
- Tindakan susulan




7. Kompaun:
- Carian
- Daftar
- Rayuan
- Notis peringatan
- Kutipan



***“HANDHELD”***




i. Alat peranti yang dikenali sebagai ***Handheld.*** Ianya dikendalikan oleh anggota penguatkuasa. Bersaiz “smart phone” mudah dikendalikan dan dibawa semasa berada di lapangan bertugas dan bersifat ringan.

ii. Alat peranti ini digunakan sebagai input data kepada Sistem Pengurusan SPKB untuk menyimpan data / maklumat kompaun / notis kesalahan yang dikeluarkan oleh anggota penguatkuasa / jabatan teknikal yang mengendalikan peranti ini.

iii. Data / maklumat selamat dan tidak boleh diubahsuai (Perisian yang digunakan adalah ***“Amazon Web Services” (AWS)*** di mana data / maklumat kesalahan di simpan di dalam “cloud” sulit dan selamat dengan kapasiti penyimpanan tidak terhad.

iv. Mempunyai 8 Modul yang ditetapkan didalam alat peranti **"Handheld"** seperti berikut:

**1. LAMAN UTAMA**




2. **MODUL SPKB**




**3. KOMPAUN**



4. NOTIS




5. PEMERIKSAAN




6. MENU SITA & TUNDA




7. SITA



## 8. TUNDA


3:52
100%
TUNDA
No. Tunda :
No Siri
KEPADA
KESALAHAN
TEMPAT
MAKLUMAT KENDERAAN
No. Plat
Sila isikan no. plate
No. Cukai
Sila isikan no. cukai
BUTIRAN KENDERAAN
Kelas
Sila pilih kelas kenderaan
Jenama
Sila pilih jenama kenderaan
Model
Sila pilih model kenderaan
Warna
Sila pilih warna kenderaan
SETERUSNYA
PADAM TUNDA

- **Proses sebelum dan selepas**

<table>
<tr><th>Sebelum</th><th>Selepas</th></tr>
<tr>
<td>
- Kompaun / notis kesalahan dikeluarkan secara manual dengan menggunakan buku kompaun dan notis.<br><br>
- Anggota perlu membawa peralatan yang banyak semasa bertugas di lapangan (contohnya : pen, kertas, kamera, buku kompaun, notis kesalahan, buku nota).<br><br>
- Penyimpan maklumat menggunakan fail (hardcopy sahaja).<br><br>
- Ruang penyimpanan fail kompaun / notis yang terhad.<br><br>
- Pencarian maklumat mengambil masa yang lama.<br><br>
- Penggunaan kertas yang banyak untuk mencetak gambar dan laporan secara manual.<br>*(2,517 helai kompaun dan 2,517 helai kertas A4 untuk gambar x 2 salinan = sebanyak 5,034 helai kertas A4 digunakan setiap tahun ).*<br><br>
- kesalahan typing error semasa pengeluaran (pembatalan kompaun tinggi)
<table>
<tr><th>BIL.</th><th>TAHUN</th><th colspan="2">KOMPAUN DIKELUARKAN</th><th colspan="2">KOMPAUN BAYAR</th><th colspan="2">KOMPAUN BATAL</th></tr>
<tr><th></th><th></th><th>BIL</th><th>AMAUN (RM)</th><th>BIL</th><th>AMAUN (RM)</th><th>BIL</th><th>AMAUN (RM)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>2020</td><td>2517</td><td>9,404,750</td><td>1464</td><td>951,790</td><td>107</td><td>478,750</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>2021</td><td>1889</td><td>10,845,500</td><td>739</td><td>1,042,940</td><td>58</td><td>388,000</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>2022</td><td>3156</td><td>17,871,350</td><td>1478</td><td>1,674,600</td><td>148</td><td>549,500</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>2023</td><td>2355</td><td>12,450,050</td><td>1170</td><td>1,543,200</td><td>116</td><td>630,450</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>2024</td><td>1178</td><td>4,713,900</td><td>543</td><td>454,200</td><td>48</td><td>174,900</td></tr>
<tr><td colspan="2">JUMLAH</td><td>11095</td><td>55,285,550</td><td>5394</td><td>5,666,730</td><td>477</td><td>2,221,600</td></tr>
</table>
</td>
<td>
- Anggota membuat tindakan kompaun / notis menggunakan satu alat pintar sahaja iaitu ***handheld***.<br><br>
- Anggota meminimakan peralatan yang dibawa semasa bertugas di lapangan dengan hanya perlu membawa “***handheld*** dan pencetak (besaiz mini)”.<br><br>
- Data / maklumat kesalahan di simpan di dalam “cloud” dan perisian yang digunakan adalah ***“Amazon Web Services” (AWS)*** di mana data / maklumat kesalahan di simpan di dalam “cloud” sulit dan selamat dengan kapasiti penyimpanan tidak terhad*.*<br><br>
- Carian maklumat lebih mudah dan mengambil masa yang singkat (hanya membuat carian di dalam sistem SPKB.<br><br>
- Meminimakan penggunaan kertas. Laporan dan gambar kesalahan hanya akan dicetak jika perlu *(2,355 helai kompaun anggaran penjimatan kertas A4 adalah sebanyak **47%** (2,355 helai kompaun / 5,034 helai kertas A4).*<br><br>
- Peningkatan kuantiti pengeluaran kompaun / notis kesalahan.<br><br>
- Kuantiti pembatalan kompuan berkurangan dengan meminimakan kesalahan semasa pengeluaran kompaun. Perbandingan dari tahun 2022 dan 2023 pembatalan kompaun dapatkan dikurangkan sehingga **21.62%.** Ini kerana perkataan / ayat telah distandardkan.
</td>
</tr>
</table>

- **United Nations – Sustainable Development Goals**

Menyahut seruan SDGs (Matlamat Pembangunan Lestari) dalam menyokong usaha global untuk mencapai matlamat pembangunan mampan.

Antara 17 matlamat tersebut, beberapa matlamat cuba dicapai kumpulan:

**Matlamat keempat** dalam Sustainable Development Goals (SDG) adalah untuk menjamin pendidikan yang inklusif, berkualiti, dan saksama serta meningkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

Oleh itu, Jabatan Penguatkuasaan menyahut matlamat ini dengan memupuk pembelajaran dalam kalangan anggota penguatkuasa khususnya dalam mengaplikasikan teknologi digital dalam tugasan harian.





**Matlamat kelapan** adalah untuk mempromosikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan, pekerjaan penuh dan produktif, serta pekerjaan yang layak untuk semua. Dengan adanya sistem ini ia dapat menambah baik mutu kerja dengan lebih produktif sekaligus meningkatkan jumlah kutipan kompaun.




**Matlamat kedua belas** adalah untuk memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan. Matlamat ini bertujuan untuk mengurangkan pembaziran sumber dan menggalakkan penggunaan sumber secara lebih efisien dan bertanggungjawab bagi menjamin kelestarian alam sekitar. Matlamat ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan sumber secara lebih berkesan dan bertanggungjawab, mengurangkan pembaziran dan mengurangkan impak alam sekitar yang negatif. Antara inisiatif jabatan adalah dengan memantau dan menguatkuasakan kilang plastik haram di sekitar kawasan Hulu Selangor.





**Matlamat ketiga belas** adalah untuk mengambil tindakan terhadap perubahan iklim. Matlamat ini bertujuan untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dan memperkukuh daya tahan masyarakat serta ekosistem terhadap perubahan iklim yang semakin meningkat. Program persediaan dan mitigasi bencana secara bersepadu telah dilaksanakan bagi memastikan kawasan yang berisiko tinggi dapat dikenalpasti.




**Matlamat keenam belas** adalah fokus kepada penguatan institusi dan pemerintahan yang adil, transparan, dan berkesan, serta memastikan akses kepada keadilan yang sama bagi semua orang. Ini melibatkan usaha untuk mengurangkan kekerasan, memperbaiki sistem undang-undang, serta meningkatkan kepercayaan terhadap institusi awam dan swasta. Dengan adanya sistem ini, ia dapat mendidik Masyarakat dalam mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan bagi memastikan keharmonian masyarakat terjamin.



**Matlamat ketujuh belas** memberi penekanan kepada pentingnya perkongsian dan kerjasama antara negara-negara, sektor awam dan swasta, serta masyarakat sivil untuk mengatasi cabaran global yang kompleks. Melalui sistem ini, integrasi antara Jabatan Penguatkuasaan bersama jabatan-jabatan teknikal di MPHS seperti Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan. Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Jabatan Perancang Bandar.








- **Kumpulan sasar dan skop liputan**

  Inovasi ini disasarkan kepada kesemua <u>61 anggota penguatkuasa</u> di Jabatan Penguatkuasaan dan juga jabatan-jabatan teknikal (Jabatan Bangunan, Jabata Kejuruteraan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepeja Dan Pembersihan Awam) yang diberikuasa untuk mengeluarkan kompaun / notis kesalahan kepada pesalah di bawah peruntukan kesalahan / Undang-Undang / Akta dan Enakmen yang digunapakai oleh MPHS.

- **Impak inovasi terhadap kumpulan sasar**

  **<u>Elemen Inovatif / Kreatif</u>**

  - Kompaun / notis yang dikeluarkan menggunakan satu alat peranti sahaja.

  - Kompaun / notis beserta gambar kesalahan akan dicetak dengan lebih lengkap dan cepat semasa anggota penguatkuasa berada di lapangan.




*(Contoh rujukan kompaun yang dikeluarkan. Format notis kesalahan adalah sama seperti kompaun.)*

  - Data kompaun / notis masuk ke dalam sistem secara *real-time.* (Perisian yang digunakan adalah ***"Amazon Web Services" (AWS)*** di mana data / maklumat kesalahan di simpan di dalam "cloud" ***(Cloud-based software service Approach)*** sulit dan selamat. Antara kelebihan penyimpanan data di dalam "cloud" adalah **tiada had saiz data yang disimpan** jika dibandingkan dengan menyimpan data di dalam *hard drive / physical server*. Selain daripada itu, kerja-kerja penambahbaikan atau menaik taraf sistem boleh dilakukan secara atas talian.

  - Carian maklumat lebih mudah dan mengambil masa yang singkat (hanya membuat carian di dalam sistem SPKB). Tambahan pula, sistem ini boleh di akses di mana-mana sahaja melalui pelayar web atau peranti mudah alih seiring dengan usaha kearah **pendigitalan**.

  - Meminimakan penggunaan kertas di pejabat. Hal ini kerana semua laporan dan gambar kesalahan boleh di akses terus di dalam sistem sekiranya ade keperluan dan hanya akan dicetak jika perlu.

**<u>Elemen keberkesanan</u>**

- Tatakelola Integriti – Data / maklumat selamat dan tidak boleh diubahsuai (Perisian yang digunakan adalah ***"Amazon Web Services" (AWS)*** di mana data / maklumat kesalahan di simpan di dalam "cloud" sulit dan selamat dengan kapasiti penyimpanan tidak terhad. Selain daripada itu, segala data yang di masukkan disimpan dan direkod dan tidak boleh diubahsuai khususnya oleh anggota dilapangan. Tambahan lagi segala data pembayaran, pengurangan dan pembatalan kompaun direkod dan disimpan untuk rujukan bagi mengelakkan penyelewengan berlaku.



- Disiplin anggota lebih terjamin (dijauhi dengan kes-kes melibatkan integriti, salah guna kuasa dan bebas rasuah) ***– (Rujukan : AKTA 694 AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009).*** Ini kerana Anggota penguatkuasa dan jabatan teknikal MPHS, hanya dibenarkan untuk mengakses penggunaan ***handheld*** sahaja. Setiap *user ID* yang dimasukkan di rekodkan dalam sistem. Manakala Penyelenggaraan Sistem Pengurusan SPKB hanya boleh diakses oleh penyelia yang diberikuasa sahaja.

- Jumlah kompaun meningkat setelah penggunaan handheld di laksanakan sepenuhnya. Berikut ialah carta peningkatan jumlah kompaun berdasarkan data analisa di sistem SPKB

- Jika dilihat perbandingan bilangan kompaun tahun 2021 dan 2022, carta menunjukkan peningkatan jumlah bilangan kompaun. Hal ini menunjukkan, dengan adanya sistem SPKB ini ia memudahkan anggota untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan di lapangan.




- Selain itu, bilangan kompaun pada tahun 2023 menunjukkan pengurangan bilangan kompaun oleh kerana ***impak positif*** daripada tindakan penguatkuasaan yang ***efisyen*** menyebabkan masyarakat sudah mula mematuhi undang-undang dan peraturan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

- Antara keberkesanan lain yang signifikan dapat dilihat melalui jumlah kutipan kompaun.




- Statistik di atas menunjukkan amaun kutipan kompaun pada tahun 2021 adalah sebanyak RM 933, 740.00.




- Manakala statistik pada tahun 2022 pula menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu dengan amaun kutipan kompaun sebanyak RM 1, 660,500.00 ***(peningkatan sebanyak 40%)***.




- Statistik di atas pula menunjukkan trend amaun kutipan kompaun daripada tahun 2021 sehingga 2024.

**IMPLIKASI KEWANGAN**

| SEKSYEN | ITEM | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | MPHS | MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR<br>Jalan Bukit Kerajaan,<br>44000 Kuala Kubu Bharu,<br>Selangor. |
| 2. | Tarikh perjanjian | Disember 2021 |
| 3. | Syarikat | ELIX SOLUTION SDN BHD<br>Unit A-3A-11,<br>Street Mall One South, Jalan OS,<br>Taman Serdang Perdana, Seksyen 6,<br>43300 Seri Kembangan,<br>Selangor.<br>Malaysia |
| 4. | Perkhidmatan | BAGI CADANGAN MENAIKTARAF SISTEM KOMPAUN KEPADA SISTEM PENGUATKUASAAN BERSEPADU (SPKB) BESERTA PERALATAN HANDHELD SECARA SEWAAN BAGI TEMPOH (5) TAHUN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR |
| 5. | Tempoh Perjanjian | Lima (5) Tahun |
| 6. | Harga Kontrak | RM 1,500,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: SATU JUTA LIMA RATUS RIBU SAHAJA) |

*(berikut ialah mock perjanjian antara MPHS dan pihak vendor)*

Harga kontrak: RM 300,000.00 / setahun untuk Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Seterusnya ialah perkiraan kutipan kompaun sebelum pelaksanaan SPKB dan kutipan kompaun selepasnya.

KEPUTUSAN CARIAN

Carian Semula | Cetak | Excel

**MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR**

Laporan Kutipan Kompaun (Tahunan)

Pada 01/01/2021 sehingga 31/12/2021

| BIL. | TARIKH BAYARAN | SALURAN BAYARAN | JUMLAH KUTIPAN | | 1 - 14 HARI | | 15 - 28 HARI | | 29 - 60 HARI | | > 60 HARI | | AMAUN KOMPAUN (RM) | PENGURANGAN (RM) | LEBIH BAYAR (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | BIL | AMAUN (RM) | BIL | RM | BIL | RM | BIL | RM | BIL | RM | | | |
| 1. | 2021 | | 1 | 1,000 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1,000 | 12,500 | 11,500 | 0 |
| 2. | 2021 | E-BILLING | 152 | 240,160 | 34 | 25,450 | 5 | 12,600 | 9 | 18,550 | 104 | 183,560 | 1,161,750 | 923,290 | 1,700 |
| 3. | 2021 | KAUNTER | 671 | 692,730 | 279 | 153,620 | 34 | 44,850 | 65 | 107,100 | 293 | 387,160 | 2,604,250 | 1,920,250 | 8,730 |
| JUMLAH | | | 824 | 933,890 | 313 | 179,070 | 39 | 57,450 | 74 | 125,650 | 398 | 571,720 | 3,778,500 | 2,855,040 | 10,430 |

Bilangan Rekod : 3

KEPUTUSAN CARIAN

Carian Semula | Cetak | Excel

Kutipan kompaun pada tahun 2021 (sebelum SPKB) adalah sebanyak RM 933,890

KEPUTUSAN CARIAN

Carian Semula | Cetak | Excel

**MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR**

Laporan Kutipan Kompaun (Tahunan)

Pada 01/01/2022 sehingga 31/12/2022

| BIL. | TARIKH BAYARAN | SALURAN BAYARAN | JUMLAH KUTIPAN | | 1 - 14 HARI | | 15 - 28 HARI | | 29 - 60 HARI | | > 60 HARI | | AMAUN KOMPAUN (RM) | PENGURANGAN (RM) | LEBIH BAYAR (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | BIL | AMAUN (RM) | BIL | RM | BIL | RM | BIL | RM | BIL | RM | | | |
| 1. | 2022 | E-BILING | 24 | 14,900 | 7 | 5,050 | 1 | 300 | 1 | 2,500 | 15 | 7,050 | 55,000 | 40,100 | 0 |
| 2. | 2022 | E-BILLING | 128 | 92,700 | 94 | 53,450 | 3 | 9,150 | 6 | 1,800 | 25 | 28,300 | 321,750 | 229,050 | 0 |
| 3. | 2022 | KAUNTER | 1433 | 1,552,650 | 729 | 395,350 | 160 | 114,350 | 148 | 343,850 | 396 | 699,100 | 5,715,750 | 4,165,500 | 2,400 |
| 4. | 2022 | PBT-PAY | 1 | 250 | 1 | 250 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 250 | 0 | 0 |
| JUMLAH | | | 1586 | 1,660,500 | 831 | 454,100 | 164 | 123,800 | 155 | 348,150 | 436 | 734,450 | 6,092,750 | 4,434,650 | 2,400 |

Bilangan Rekod : 4

Kutipan kompaun pada tahun 2022 (selepas SPKB) adalah sebanyak **RM 1,660,500**

Data menunjukkan **peningkatan kutipan kompaun adalah sebanyak 95%**. Selain itu, kutipan kompaun selepas SPKB juga telah memberikan **pulangan pelaburan** kepada pemegang taruh (MPHS) sebanyak **100%** dalam tempoh setahun.

**<u>Elemen Signifikan (Pendigitalan)</u>**

- Anggota akan memanfaatkan teknologi digital dengan mempercepatkan dan memudahkan proses pengeluaran kompaun / notis semasa berada di lapangan di samping anggota lebih peka serta celik IT.

- Dapat bekerjasama dengan jabatan teknikal yang diberikuasa untuk mengeluarkan kompaun / notis kesalahan kepada pesalah di bawah peruntukan kesalahan / Undang-Undang / Akta dan Enakmen yang digunapakai oleh MPHS.

- Resit kompaun yang dicetak di lokasi kesalahan dan diserah terus kepada orang kena kompaun (OKK).

- Menjimatkan masa dan mempercepatkan proses carian maklumat dan data kompaun jika diperlukan.













**<u>Elemen Relevan</u>**

- **Sumbangan kepada agenda organisasi / nasional**

  - SPKB telah mengikuti pelbagai program di bawah anjuran Presiden Smart Cities Alliance (MSCA) sebagai jemputan pempamer bersama ELIX Solution Sdn. Bhd selaku perunding dan pembekal SPKB, syarikat ini juga merupakan salah satu ahli Malaysia **"Smart City"** Alliance (MSCA) di bawah naungan Malaysia Industry Goverment Group Of Hight Tecnology (MiGHT). Antara program yang telah disertai adalah seperti berikut :

    i. Johor Smart City Forum anjuran PLAN Malaysia Johor pada ***12 Jun 2023 hingga 14 Jun 2023*** bertempat di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bharu.

    ii. Smart Melaka International Conference & Expo 2023 anjuran Kerajaan Negeri Melaka pada ***12 Oktober 2023 hingga 14 Oktober 2023*** bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC) Ayer Keroh, Melaka.

iii. Townhall Amanat YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada **30 Januari 2024** bertempat Universisti Mulitimedia Malaysia (MMU), Cyberjaya.

iv. Cadangan Sistem Penguatkuasaan Bersepadu (SPKB) bersama Majlis Daerah Lahad Datu pada **15 Mei 2024** bertempat di Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Turut hadir bersama ialah Elix Solution Sdn Bhd dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology, MiGHT .

Johor Smart City Forum anjuran PLAN Malaysia Johor pada ***12 Jun 2023 hingga 14 Jun 2023***



Smart Melaka International Conference & Expo 2023 anjuran Kerajaan Negeri Melaka pada ***12 Oktober 2023 hingga 14 Oktober 2023***




Townhall Amanat YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada **30 Januari 2024**




Cadangan Sistem Penguatkuasaan Bersepadu (SPKB) bersama Majlis Daerah Lahad Datu pada **15 Mei 2024**



**GAMBAR BERKAITAN**
**PERBINCANGAN / MESYUARAT / TAKLIMAT PEMBANGUNAN SISTEM SPKB**

**LATIHAN *"IN – HOUSE"***






**LATIHAN DI LAPANGAN**




**<u>TAKLIMAT DAN LATIHAN PENAMBAHAN MODUL ANJURAN JABATAN PENGUATKUASAAN BERSAMA PIHAK PERUNDING, LATIHAN DIBERIKAN OLEH ANGGOTA PENGUATKUASA YANG TERLATIH.</u>**









**LAWATAN PERKONGSIAN ILMU DI MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**







**Penutup**

Secara keseluruhannya, pelaksanaan projek inovasi ini berjalan dengan lancar seperti mana yang dirancang. Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor kearah perkhidmatan pendigitalan, sistem ini dibangunkan untuk menambahbaik kaedah pemeriksaan dan pengkompaunan di bawah selian MPHS. Pada masa yang sama, ianya dapat meningkatkan produktiviti serta kompetensi anggota penguatkuasa MPHS dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan.

Sistem ini lebih efektif dan mudah digunakan oleh anggota penguatkuasa dan jabatan teknikal MPHS yang menjalankan tugas di lapangan bagi pemeriksaan lesen, pengeluaran kompaun dan notis mengikut kesalahan di bawah peruntukan Akta dan Undang-Undang Kecil yang digunapakai oleh MPHS. Secara tidak langsung, ianya juga dapat mengurangkan masa semasa tindakan penguatkuasaan di lapangan untuk merekod dan mencetak maklumat secara digital.

Selain itu meningkatkan hasil MPHS, penggunaan sistem ini juga akan lebih menyeluruh kerana ianya bukan sahaja untuk tujuan pengeluaran kompaun *yang meningkat sebanyak **40%**,* malah boleh juga digunakan oleh orang awam untuk tujuan pembayaran kompaun secara atas talian melalui talian E-Billing (portal MPHS), PBTpay (KPKT) dan Citizen E-Payment (CEPAT).

Diharap dengan adanya inovasi SPKB ini, Jabatan Penguatkuasaan mengorak satu langkah kehadapan ke arah pendigitalan sistem kerja dan dapat menaikan lagi reputasi dan imej Majlis Perbandaran Hulu Selangor disamping memberikan kemudahan kepada kumpulan sasaran khususnya anggota penguatkuasa di jabatan ini.

**Disediakan oleh:**
Nama : Suriati Binti Mohamed Kamal
No. Tel : 03-6064 3950
Email : penguatkuasaan@mphs.gov.my